

PINJAMAN KENDERAAN

Syarat-syarat pinjaman kenderaan dan dokumen-dokumen yang perlu disertakan bersama-sama borang permohonan ini ialah:

1. Lima salinan borang kenderaan.
2. Tandatangan **asal** pada setiap borang.
3. Dokumen SEBUTHARGA dari pembekal yang sah.
4. Satu salinan SLIP GAJI yang telah disahkan.
5. Satu salinan KAD PENGENALAN yang telah disahkan.
6. Satu salinan LESEN MEMANDU yang masih sah (disahkan).
7. SETEM HASIL RM10.00 bagi anggota yang telah sah jawatan.
8. Pembelian kenderaan oleh anggota baru hanya boleh dipertimbangkan selepas 1 tahun perkhidmatan dengan LPP (setem hasil RM20.00).

LEMBAGA PERTUBUHAN PELADANG
PERMOHONAN PINJAMAN UNTUK MEMBELI
KERETA/MOTORSIKAL BAGI PEGAWAI LEMBAGA PERTUBUHAN PELADANG
(Diisi Sebanyak 5 Salinan)

BAHAGIAN I: (Diisi Oleh Pemohon)

1. Nama Penuh (Huruf Besar)
2. No. Kad Pengenalan
3. i) Tarikh Lahir ii) Umur Pada Tarikh Memohon
4. i) Nama Perjawatan Yang Disandang
- ii) Gred Perjawatan
- iii) Taraf Pegawai (Sama ada dalam percubaan/tetap/kontrak)
- iv) Skim Perkhidmatan
5. i) Kementerian
- ii) Jabatan
- iii) Alamat Penuh Tempat Bertugas
-
6. i) Tarikh Perlantikan ii) Tarikh Pengesahan Dalam
Perkhidmatan
7. i) Gaji Bulanan RM ii) Elaun Memangku (Jika ada)
- iii) Adakah Memangku Untuk Kenaikan Pangkat
8. Butir-butir Kenderaan Yang Hendak Dibeli:
 - i) Jenis: Model dan Buatan
 - ii) Sukatan Selinder/No. Chasis/No. Enjin
 - iii) Harga Bersih (seperti ditetapkan dalam Pekeliling Perbendaharaan Bil. 7/1993)
 - iv) Baru atau sudah pakai (Second-hand)
 - (Jika sudah pakai kembalikan Sijil Nilai)
9. Kelayakan Pinjaman Maksimum RM
10. Banyak Pinjaman yang diminta RM (Ringgit Malaysia
.....)
11. Tempoh Pembayaran Balik bulan
12. Tugas jawatan yang menunjukkan mengapa mustahaknya menggunakan kenderaan persendirian
.....
13. Jika pernah diberi pinjaman 6 tahun sebelum daripada ini, nyatakan:
 - i) Tarikh pinjaman terakhir diberi
 - ii) Jumlah pinjaman RM iii) No.Akaun Pinjaman
 - iv) Tarikh ansuran terakhir dibayar dan banyaknya

14. Sebab-sebab mengapa pinjaman baru dikehendaki

15. Jenis Kenderaan yang digunakan sekarang semasa menjalankan tugas rasmi

16. Butir-butir baki hutang lain dengan Kerajaan, jika ada, bagi pihak diri sendiri

Tarikh
(Tandatangan Pemohon)

BAHAGIAN II: (Diisi oleh penjamin hanya jika pemohon BELUM disahkan dalam jawatan ATAU Pemohon ialah pegawai kontrak)

PENJAMIN NO. 1

PENJAMIN NO. 2

.....
(NAMA)
No. Kad Pengenalan:
Tarikh Lahir:
Jabatan:

.....
(NAMA)
No. Kad Pengenalan:
Tarikh Lahir:
Jabatan:

.....
Alamat Penuh Tempat Kerja:

.....
Alamat Penuh Tempat Kerja:

.....
Jawatan:
Tarikh Disahkan Dalam Jawatan:

.....
Jawatan:
Tarikh Disahkan Dalam Jawatan:

.....
Gaji Bersih Bulanan
Butir-butir baki hutang kepada Kerajaan
jika ada bagi pihak diri sendiri

.....
Gaji Bersih Bulanan
Butir-butir baki hutang kepada Kerajaan
jika ada bagi pihak diri sendiri

.....
(Tarikh) (Tandatangan)

.....
(Tarikh) (Tandatangan)

PERINGATAN: Hanya pegawai-pegawai Lembaga yang telah disahkan di dalam jawatan sahaja yang layak menjadi penjamin.

BAHAGIAN III: (Diisi oleh Pegawai yang bertanggungjawab)

Kepada:

Rujukan:

DIKEMUKAKAN:

Disahkan bahawa butir-butir yang diberikan oleh pemohon telah diselidiki dan didapati benar:

- * i) Saya berpuashati bahawa pembayaran balik pinjaman ini tidak akan menyebabkan kesusahan kewangan kepada pemohon.
- * ii) Saya menyokong penuh bahawa sebuah kereta/motorsikal/adalah sangat perlu untuk pegawai ini menjalankan tugas-tugasnya setiap hari dengan sempurna.
- * iii) Saya tidak berpuashati terhadap kedudukan kewangan pemohon dimana pembayaran balik pinjaman akan menyebabkan kesusahan kewangan kepada pemohon.
- iv) Saya berpendapat pemohon tidak perlu kereta/motorsikal untuk rasmi dan sebaliknya mengesyorkan sebuah kereta/motorsikal.

Tarikh:

.....
(Tandatangan Pegawai Yang Bertanggungjawab)

Nama Penuh:

Jawatan:

BAHAGIAN IV: (Diisi oleh Pegawai yang meluluskan pinjaman)

Kepada:

Rujukan:

a) * Pinjaman sebanyak RM..... diluluskan dengan dikenakan bayaran perkhidmatan yang dikira atas baki bulanan selama bulan. Kelulusan adalah tertakluk kepada syarat-syarat yang ditetapkan di dalam Arahan dan Pekliling Perbendaharaan yang berkuatkuasa dari masa ke semasa.

b) * Pinjaman tidak diluluskan.

Tarikh:

.....
(Tandatangan Pegawai Yang Meluluskan)

Nama Penuh:

Jawatan:

* Potongan yang mana tidak berkenaan.

BAHAGIAN V: (Diisi oleh Ketua Jabatan selepas pinjaman diluluskan)

Cek bayaran Pinjaman diterima oleh pemohon pada

- i) Nombor dan tarikh resit pembelian
- ii) Kenderaan yang dibeli diperiksa pada
- iii) Nombor daftar kenderaan/No. chasis/No. Enjin
- iv) Tarikh buku pendaftaran dicatatkan 'Hak Milik Dituntut oleh Lembaga Pertubuhan Peladang' oleh Jabatan Pengangkutan Jalan.

-
- v) Polisi insuran comprehensif (untuk tahun pertama sahaja)
 - a) Bagi tempoh hingga
 - b) Nombor Polisi
 - c) Jumlah Harta Perlindungan
 - d) Nama Syarikat Insurans

1. Disahkan butir-butir di atas telah diterima sebelum 30 hari selepas cek bayaran diterima oleh peminjam, disemak dan didapati benar.
2. Salinan-salinan Photostat resit, salinan buku pendaftaran dan salinan Photostat sijil insuran adalah disimpan dalam fail peribadi peminjam.

Tarikh:

.....
(Tandatangan Ketua Jabatan)

Nama Penuh:

Jawatan:

**PERJANJIAN AL-BAI 'BITHAMAN AJIL' UNTUK SKIM PEMBIAYAAN
KENDERAAN KAKITANGAN LEMBAGA PERTUBUHAN PELADANG**

PERJANJIAN INI DIPERBUAT pada.....haribulan 20.....
diantara LEMBAGA PERTUBUHAN PELADANG (kemudian daripada ini disebut "LEMBAGA")
sebagai pihak pertama.

DAN
(K/P: No.) yang beralamat di

.....
(kemudian daripada ini disebut 'pembeli') dan
..... (K/Pengenalan No.)
yang beralamat di

.....
dan (K/Pengenalan No.)
yang beralamat di

.....
(kemudian daripada ini disebut 'penjamin') sebagai pihak kedua.

BAHAWASANYA pembeli telah memohon untuk membeli kenderaan di bawah Skim Pembiayaan
Kenderaan Mengikut Prinsip Al-Bai 'Bithaman' Ajil sebagaimana diperuntukan dalam Pekeliling
Perbendaharaan Bil. 5 Tahun 1992 (Kemudian daripada ini disebut 'Skim tersebut') dan Lembaga telah
meluluskan permohonan oleh pembeli tertakluk kepada syarat-syarat perjanjian yang diperuntukan
kemudian daripada ini.

MAKA ADALAH DENGAN INI DIPERSETUJUI DAN DIPERSAKSIKAN seperti berikut:

1. Dengan mengikut skim tersebut Lembaga atas permohonan pembeli, telah membeli kenderaan
yang tersebut di bawah seksyen 1 Jadual Pertama beserta dengan aksesori-aksesorinya
(Kemudian daripada ini disebut 'Kenderaan tersebut') pada harga belian yang disebutkan di
bawah seksyen 3 dalam Jadual Pertama Lembaga hendaklah menjual dan pembeli hendaklah
membeli kenderaan tersebut pada harga jualan dan purata bayaran ansuran bulanan yang telah
dipersetujui bersama oleh kedua-dua pihak iaitu sebagaimana yang disebutkan didalam Jadual
Kedua, tertakluk kepada syarat-syarat dan peraturan-peraturan yang ditetapkan didalam skim
tersebut dan syarat-syarat dan perjanjian yang terkandung kemudian daripadanya.

2. Pembeli dengan ini bersetuju:
 - (i) Mematuhi syarat dan peraturan yang terkandung didalam Pekeliling Perbendaharaan Bil.8 Tahun 1993 serta Arahan-arahan dan Surat Pekeliling Perbendaharaan yang berkuatkuasa.
 - (ii) Tidak akan menjual atau melepaskan dengan apa-apa cara jua kenderaan tersebut sehingga keseluruhan harga jualan dibayar balik melainkan terlebih dahulu mendapat kebenaran dari Lembaga.
 - (iii) Wang pembiayaan yang diluluskan tidak akan digunakan selain daripada maksud ianya diluluskan. Jika digunakan untuk tujuan lain, pembiayaan ini adalah terbatal dan dengan itu wang pembiayaan hendaklah dibayar sekaligus. Pembeli dengan ini juga memberi kebenaran kepada Ketua Jabatan untuk menahan bayaran gaji dan elaunnya sehingga kesemua jumlah pembiayaan itu dijelaskan.
 - (iv) Mengambil takaful kenderaan (komprehensif) bagi selama tempoh pembiayaan belum diselesaikan sepenuhnya. Polisi takaful itu hendaklah meliputi semua jenis kemalangan, kecurian, kebakaran dan bahaya Pihak Ketiga (tidak terhad). Amaun takaful itu hendaklah tidak kurang daripada baki Harga Jualan.
 - (v) Menjelaskan semua baki Harga Jualan sebelum menamatkan perkhidmatan dengan Lembaga.
 - (vi) Sekiranya potongan ansuran tidak dilakukan daripada gaji bulanan pembeli walau dengan apa sebabpun, pembeli hendaklah bertanggungjawab untuk membayar sendiri kepada Lembaga sehingga potongan ansuran dilakukan.
 - (vii) Jika pembeli menamatkan perkhidmatannya dengan Lembaga atau ditamatkan oleh Lembaga sebelum pembiayaan dijelaskan, pembeli hendaklah membayar sekaligus semua baki harga jualan.
 - (viii) Jika pembeli meninggal dunia baki harga jualan bolehlah dituntut daripada siwaris secara sekaligus. Jika waris tidak dapat berbuat demikian, baki harga jualan tersebut akan dituntut daripada penjamin-penjamin berkenaan.
 - (ix) Jika pembeli gagal menjelaskan harga jualan di dalam tempoh tiga (3) bulan sebagaimana yang dituntut diperenggan 2(vii) dan 2(iii) di atas maka adalah menjadi tanggungjawab pembeli atau waris pembeli berkenaan untuk menyerahkan milikan kenderaan itu kepada Kerajaan. Jika gagal, Lembaga berhak mengambil tindakan selanjutnya di bawah Seksyen 11 dan 13, Akta Pengangkutan Jalan, 1987 atau peruntukan Undang-undang lain yang berkaitan.
3. Lembaga berhak menarik balik pembiayaan kenderaan pada bila-bila masa tanpa memberi sebarang sebab dan menuntut bayaran balik harga jualan dengan sekaligus.
4. Pembeli ialah orang yang akan didaftarkan sebagai membeli kenderaan.
5. Lembaga yang bukan pembuat, pengedaran atau tuan punya asal kenderaan tersebut, tidak memberi apa-apa waranti dan tidak juga membuat sebarang representasi berkaitan dengan keadaan tersebut atau tentang merchantabiliti atau kesesuaian atau fitness bagi maksud tertentu atau bagi apa-apa maksud kenderaan tersebut dikehendaki, sama ada waranti tersebut dan representasi dengan nyata atau tersirat dan sama ada berbangkit di bawah perjanjian ini atau sebaliknya dan pembeli dengan ini bersetuju tidak membuat apa-apa tuntutanpun terhadap Lembaga berkenaan hal ini.

DENGAN SYARAT:

Bahasa fasal ini hendaklah tidak menyentuh hak pembeli bagi membuat tuntutan berkaitan dengan waranti atau representasi terhadap pembuat, pengedar atau tuan punya kenderaan tersebut.

6. Tiada kelenturan, kesabaran atau kelewatan oleh Lembaga dalam menguatkuasakan apa-apa syarat perjanjian ini tidak juga pemberian masa oleh Lembaga kepada pembeli menjadi prejudis menyentuh atau menghadkan hak dan kuasa Lembaga di dalam perkara ini, dan tiada juga pelepasan (waiver) sebarang pelanggan (breach) bersifat sebagai pelepasan bagi pelanggan (breach) berikutnya.
7. Perjanjian ini hendaklah mengikat menjamin, wakil-wakil diri, pengganti executor dan administrator (wasi dan pentadbir) bagi pembeli dan penerima serah hak dan pengganti Lembaga.
8. Duti stem lagi perjanjian ini, semua duti, cukai atau fee, perbelanjaan dan harga yang berhubung dengan urusanniaga kewangan ini dan lain-lain perbelanjaan yang berkaitan dengannya hendaklah ditanggung dan dibayar oleh pembeli dan dalam keadaan dimana Lembaga terpaksa mengambil tindakan terhadap pembeli dan/atau penjamin dibawah perjanjian ini semua kos dan perbelanjaan yang dibuat oleh Lembaga (termasuk fee Peguam bagi pihak Lembaga atas asas peguam dan pelanggan) dengan ini hendaklah ditanggung dan dibayar sepenuhnya oleh pembeli dan/atau penjamin.
9. Masa hendaklah menjadi pati kepada kontrak berkaitan dengan semua peruntukan perjanjian ini dan terutama sekali kepada pembayaran harga jualan atau mana-mana bahagian darinya dan pembayaran semua wang yang pembeli hendaklah membayar kepada Lembaga dibawah perjanjian ini.
10. Jadual Pertama dan Jadual Kedua hendaklah dipakai, dibaca dan diertikan sebagai bahagian yang mustahak dalam perjanjian ini.

PADA MENYAKSIKAN HAL TERSEBUT

Pihak-pihak dengan ini menurunkan tandatangan pada hari dan tahun yang ditulis di atas.

DITANDATANGANI OLEH:

LEMBAGA

dengan kehadiran

SAKSI

(Sebagai pihak Lembaga sebagaimana yang tersebut di atas)

.....
Tandatangan

Nama Penuh:

No. Kad Pengenalan:

Jawatan:

.....
Tandatangan

Nama Penuh:

No. Kad Pengenalan:

Jawatan:

PENERIMA BIAYA

dengan kehadiran

SAKSI

.....
Tandatangan
Nama Penuh:
No. Kad Pengenalan:
Jawatan:

.....
Tandatangan
Nama Penuh:
No. Kad Pengenalan:
Jawatan:

DITANDATANGANI OLEH:

PENJAMIN NO. 1

dengan kehadiran

SAKSI

.....
Tandatangan
Nama Penuh:
No. Kad Pengenalan:
Jawatan:

.....
Tandatangan
Nama Penuh:
No. Kad Pengenalan:
Jawatan:

DITANDATANGANI OLEH:

PENJAMIN NO. 2

dengan kehadiran

SAKSI

.....
Tandatangan
Nama Penuh:
No. Kad Pengenalan:
Jawatan:

.....
Tandatangan
Nama Penuh:
No. Kad Pengenalan:
Jawatan:

JADUAL PERTAMA

SEKYSSEN	PERKARA	BUTIRAN
1.	Butiran dan perihal kenderaan	* No. Enjin: * No. Casis: Buatan: Nama Model: Kuasa Enjin: Bahan Bakar Kelas Kegunaan: Jenis Bahan Tahun Dibuat:
2.	Butiran Belian Kenderaan	Nama: No. K. Pengenalan: Alamat:
3.	Harga Belian Kenderaan	Jumlah harga belian ialah sebanyak RM (Ringgit Malaysia: iaitu terdiri daripada: a) Amaun pembiayaan Lembaga sebanyak RM (Ringgit Malaysia: dan; b) Bayaran muka sebanyak RM (Ringgit Malaysia:) yang telah dijelaskan sendiri oleh Pembeli.

(* Bagi Pembiayaan Kenderaan Setelah Terpakai Sahaja)

JADUAL KEDUA

SEKYSEN	PERKARA	BUTIRAN
1.	Harga Jualan	<p>Harga Jualan ialah RM</p> <p>(Ringgit Malaysia:</p> <p>.....</p> <p>iaitu terdiri daripada:</p> <p>a) Bayaran muka sebanyak RM</p> <p>(Ringgit Malaysia:).</p> <p>yang telah dijelaskan sendiri oleh Pembeli;</p> <p>dan</p> <p>b) Amaun pembiayaan dan keuntungan</p> <p>Lembaga RM</p> <p>(Ringgit Malaysia:).</p>
2.	Amaun dan Tempoh Bayaran Balik Harga Jualan	<p>Harga jualan hendaklah dibayar balik secara Potongan dari gaji tiap-tiap bulan sebanyak RM (Ringgit Malaysia</p> <p>.....</p> <p>.....</p> <p>bagi tempoh bulan.</p>

**SURAT KELULUSAN DAN TAWARAN PEMBIAYAAN
PEMBELIAN KENDERAAN**

Encik/Puan :

No. Kad Pengenalan :

PERMOHONAN MENDAPATKAN PEMBIAYAAN PEMBELIAN KENDERAAN

Dengan ini dimaklumkan bahawa permohonan tuan/puan untuk mendapatkan kemudahan bagi tujuan membiayai keseluruhan/sebahagian daripada harga pembelian sebuah kenderaan adalah diluluskan seperti berikut:

- (i) Amaun pembiayaan Kerajaan RM* Kerajaan akan menyelesaikan harga belian ini seperti berikut:
 - (a) Amaun pembiayaan Kerajaan RM §
 - (b) Bayaran muka oleh tuan/puan RM ¶ (Jika harga kenderaan melebihi amaun pembiayaan Kerajaan).
- (ii) Harga Jualan kepada pegawai RM # Kerajaan akan mendapatkan bayaran harga jualan ini seperti berikut:
 - (a) Bayaran muka oleh tuan/puan RM ¶ (Jika harga kenderaan melebihi kelayakan Pegawai).
 - (b) Bayaran amaun pembiayaan dan keuntungan Kerajaan sebanyak RM ≠ Dibuat melalui bayaran ansuran bulanan sebanyak RM..... sebulan selama bulan
- (iii) Tempoh bayaran balik :
- (iv) Butir-butir Kenderaan:
 - (a) Model dan buatan :
 - (b) Kenderaan baru/terpakai (No. Pendaftaran) :
 - (c) Sukatan Selinder :

* Kos Kenderaan

§ Amaun yang dibiayai oleh Kerajaan berdasarkan kelayakan Pegawai.

¶ Amaun ditanggung sendiri oleh penerima biayai kerana kos kenderaan melebihi amaun pembiayaan maksimum.

Amaun sebenar yang akan dibayar oleh penerima biayai

≠ Jumlah amaun pembiayaan Kerajaan yang telah dicampur dengan amaun keuntungan.

2. Tawaran ini adalah dikeluarkan tertakluk kepada syarat-syarat berikut:
- (i) Tuan/Puan adalah dikehendaki menandatangani Surat Perjanjian Pembiayaan Pembelian Kenderaan sebelum pengeluaran cek pembiayaan dapat dibuat. Cukai stem untuk Surat Perjanjian Pembiayaan mestilah dibayar oleh pihak tuan/puan.
 - (ii) Tuan/Puan akan dilantik untuk mewakili Kerajaan dalam urusan pembelian kenderaan tersebut. Sehubungan dengan ini sungguhpun cek pembiayaan kenderaan akan dikeluarkan atas nama tuan/puan, adalah menjadi tanggungjawab tuan/puan untuk menggunakan cek tersebut bagi tujuan pembelian kenderaan tersebut atas bagi pihak Kerajaan. Selanjutnya tuan/puan adalah dikehendaki juga mendaftarkan kenderaan tersebut atas nama tuan/puan sebagai penerima biaya.
 - (iii) Kemudahan pembiayaan pembelian kenderaan ini tidak boleh digunakan untuk tujuan yang lain.
 - (iv) Sebarang pertukaran jenis kenderaan yang dibeli hendaklah mendapatkan kelulusan terlebih dahulu daripada Pegawai yang meluluskan.
 - (v) Kenderaan yang dibeli hendaklah dibeli terus dan tidak tertakluk kepada lain-lain urusan kewangan.
 - (vi) Tuan/Puan adalah dikehendaki menyerahkan kepada pegawai yang meluluskan pembiayaan salinan asal resit pembelian kenderaan, nota takaful (Cover Note) atau Sijil Takaful kenderaan (Komprehensif) dan Buku Pendaftaran Kenderaan yang telah dicatat "Hak Milik Dituntut Oleh Kerajaan". Sekiranya tuan/puan gagal mengemukakan dokumen-dokumen tersebut dalam tempoh 30 hari, maka pembiayaan itu dianggap sebagai terbatal dan dengan ini tuan/puan dikehendaki menjelaskan sepenuhnya harga jualan yang diluluskan secara sekaligus. Jika gagal, Ketua jabatan boleh mengambil tindakan untuk menahan gaji dan elaun tuan/puan sehinggalah kesemua baki harga jualan itu dijelaskan.
 - (vii) Tuan/Puan adalah dikehendaki memberi kerjasama kepada pegawai yang meluluskan pembiayaan untuk memeriksa kenderaan yang telah diperolehi melalui kemudahan pembiayaan ini.
 - (viii) Tuan/Puan adalah bertanggungjawab untuk menjelaskan bayaran ansuran berkenaan jika potongan dari gaji bulanan tidak sempat dibuat.
 - (ix) Tuan/Puan adalah dikehendaki sentiasa melindungi kenderaan berkenaan dengan Sijil Takaful kenderaan (Komprehensif) sehingga pembiayaan sesuai dibayar dan amaun yang dilindungi tidak boleh kurang daripada baki amaun pembayaran yang telah diluluskan.
 - (x) Tuan/Puan adalah juga tertakluk kepada lain-lain syarat dan peraturan yang ditetapkan dalam Pekeliling Perbendaharaan Bil. 8 Tahun 1993 dan juga lain-lain arahan dan ketetapan mengenai kemudahan pembiayaan pembelian kenderaan yang dikeluarkan oleh Perbendaharaan dari masa ke semasa. Tindakan Tatatertib dan/atau surcaj boleh diambil terhadap tuan/puan, sekiranya tuan/puan didapati mematuhi mana-mana peraturan yang ditetapkan dalam Pekeliling dan arahan tersebut.

3. Sekiranya tuan/puan bersetuju dengan syarat-syarat tersebut di atas, sila kembalikan kepada Kementerian/Jabatan ini salinan surat tawaran yang telah ditandatangani dalam masa 6 bulan dari tarikh surat ini. Jika jawapan tidak diterima dalam tempoh tersebut, tawaran ini akan dianggap luput.

Sekian, terima kasih.

“ BERKHIDMAT UNTUK NEGARA “

“ CINTAILAH BAHASA KITA “

Saya yang menurut perintah,

Bahagian Kewangan
b.p: Ketua Pengarah
Lembaga Pertubuhan Peladang.

s.k.:

MEMORANDUM PENERIMAAN

Merujuk kepada surat tawaran tuan bilbertarikh.....
dengan ini saya menerima tawaran tersebut dan bersetuju dengan syarat-syarat serta peraturan-peraturan yang dikenakan dan mengembalikan salinan surat ini yang telah ditandatangani untuk tindakan tuan selanjutnya.

Ditandatangani oleh :

Nama :

No. K/P :

SAKSI Nama :

No. K/P :

Jawatan :

Alamat :